

Sumber-sumber stres pekerjaan di tiga jabatan kerajaan negeri Sabah

Abstract

Menurut ILO (1993) dalam World Labour Report fenomena stres merupakan satu isu kesihatan yang paling serius bagi abad yang ke-20, iaitu satu zaman yang dan yak mengalami pelbagai cabaran dan perubahan dalam struktur ekonomi dan pembangunan. Kesan negatif akibat daripada stres bukan lagi merupakan masalah peribadi yang harus dipertanggungjawabkan kepada pekerja itu sahaja, tetapi ia juga merupakan satu masalah kepada majikan, organisasi ataupun kerajaan. Pekerja-pekerja mungkin akan menyalurkan masalah peribadi dan keluarga kepada pekerjaan mereka, begitu juga masalah kerja mungkin dibawa balik ke rumah. Akibat daripada itu, pelbagai masalah sampingan telah timbul, misalnya peningkatan dalam kes penderaan kanak-kanak dan isteri, remaja lari dari rumah, remaja terlibat dengan penagihan dadah dan sebagainya (Elder, George & Shanahan, 1996).